

## **BAB 5**

### **RMUSAN KESELURUHAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Bahagian ini merumuskan hasil dapatan kajian yang telah dianalisis dalam keseluruhan bab 4. Kandungan bab akhir ini merangkumi rumusan hasil dapatan kajian yang dibentangkan berdasarkan persoalan kajian, implikasi kajian serta cadangan untuk kajian lanjutan.

#### **5.1 Rumusan daripada Dapatan Kajian**

Rumusan dapatan kajian telah dibahagikan kepada tiga bahagian berdasarkan objektif kajian yang akan menjawab kepada persoalan kajian yang telah digariskan. Ia adalah terdiri daripada (i) Apakah strategi-strategi komunikasi yang digunakan oleh kanak-kanak Jepun prasekolah ketika berkomunikasi sesama rakan mereka? (ii) Bagaimanakah kekerapan penggunaan setiap jenis strategi komunikasi yang dilakukan? dan (iii) mengenal pasti sama ada terdapat penerapan nilai-nilai keharmonian (*wa*) dalam strategi komunikasi dalam kalangan responden kajian kanak-kanak Jepun, sekiranya didapati wujud.

##### **(i) Mengenalpasti strategi-strategi komunikasi yang digunakan oleh kanak-kanak Jepun prasekolah**

Hasil dapatan kajian strategi komunikasi dibahagikan kepada dua bahagian iaitu strategi komunikasi lisan dan strategi komunikasi bukan lisan iaitu seperti mana yang dirumuskan dan ditunjukkan di dalam Carta 5.1 dan Carta 5.2. Kajian yang dijalankan telah mengenalpasti bahawa terdapat strategi-strategi komunikasi lisan yang digunakan

oleh kanak-kanak Jepun prasekolah dalam kajian ini. Strategi-strategi komunikasi lisan yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

- a) Pertanyaan
- b) Panggilan
- c) Bantahan
- d) Permintaan
- e) Pengulangan
- f) Gelaran Negatif
- g) Penggunaan *Malaysian English*

Hasil daripada dapatan kajian dapat dirumuskan bahawa responden atau kanak-kanak Jepun prasekolah ini menggunakan strategi-strategi komunikasi untuk menggambarkan sesuatu maksud atau makna yang berbeza. Dapatan ini dapat dilihat dengan terdapatnya fungsi-fungsi yang berbeza dalam setiap strategi komunikasi lisan yang digunakan oleh responden. Ini dapat dilihat terutamanya dalam strategi pertanyaan dimana selain untuk mendapatkan informasi secara langsung, responden menggunakan strategi bertanya untuk memberi pendapat, mendapatkan kepastian, mendapatkan sokongan dan menjaga perasaan. Selain itu strategi komunikasi lisan bagi panggilan pula terbahagi kepada fungsi penggunaan nama pertama (*First Name*) pada awal atau hujung ayat dan penggunaan kata ganti nama diri. Seterusnya, kanak-kanak Jepun prasekolah juga menggunakan bantahan bagi menunjukkan fungsi-fungsi seperti membuat tuduhan balas untuk menolak sesuatu kenyataan, memberi amaran balas tanda tidak setuju dan menegaskan dengan tujuan menegakkan kebenaran.

Manakala strategi komunikasi lisan bagi permintaan terdiri daripada fungsi meminta diberi sesuatu barang, meminta izin melihat dan meminta ditunjukkan cara membuat sesuatu perkara (meminta tunjuk ajar). Manakala dalam strategi pengulangan, dapatan menunjukkan pengulangan digunakan untuk mendapatkan respons dan untuk menegaskan tentang sesuatu kenyataan. Dapatan juga menunjukkan kanak-kanak Jepun prasekolah juga menggunakan gelaran negatif iaitu melabelkan seseorang dengan gelaran yang negatif ketika menunjukkan perasaan marah. Manakala strategi komunikasi lisan yang terakhir diperoleh adalah penggunaan *Malaysian English* bagi fungsi penggunaan ‘one’ dan ‘lah’ di hujung ujaran dalam bahasa Inggeris. Dalam memperkatakan tentang penggunaan *Malaysian English*, penulis berpendapat adalah suatu perkara yang luar biasa bagi kanak-kanak yang bukan berbangsa Malaysia menggunakannya, namun dapatan kajian menunjukkan perkara ini wujud dalam perbualan kanak-kanak Jepun. Setelah diselidiki, dapatan telah menunjukkan penggunaannya hanya terhad kepada kanak-kanak yang mempunyai latar belakang perkahwinan campur iaitu Malaysia (berbangsa Cina)-Jepun dan seorang lagi Jepun-Korea.

Dalam strategi komunikasi bukan lisan, penulis menumpukan kepada dua jenis komunikasi bukan lisan iaitu bahasa tubuh (*Kinesic*) dan *Paralanguage*. Untuk menganalisis strategi komunikasi bukan lisan, penulis telah menggunakan model komunikasi bukan lisan Berko, Wolvin & Wolvin (1992). Hasil dapatan kajian telah dibahagikan mengikut model tersebut. Dalam strategi komunikasi bahasa tubuh, enam strategi komunikasi bukan lisan yang terdiri daripada perkara-perkara berikut telah ditemui:

### **1. Pengaruh Paparan (*Affect Display*)**

- a) menunjukkan ekspresi wajah dengan emosi yang marah

### **2. Lambang (*Emblem*)**

- b) menundukkan sedikit kepala ke bawah bagi menunjukkan tanda hormat

### **3. *Regulators***

- c) pandangan mata tepat kepada pendengarnya

- d) menyengetkan kepala ke kiri dengan lerekan mata ke kanan

### **4. *Adaptors***

- e) mengepit hidung dengan hujung ibu jari dan jari telunjuk bagi menunjukkan bau


yang busuk dan tidak tahan untuk menghidu.

- f) Tangan kanan mengibas-ngibas di hadapan hidung sambil mengerutkan

hidung.


Manakala hasil dapatan strategi komunikasi bukan lisan bagi *Paralanguage* terdiri daripada intonasi meninggi untuk menunjukkan bingung dan tidak memahami, intonasi meninggi dengan penghentian seketika atau jeda dan intonasi meninggi untuk menunjukkan penegasan bunyi (*stressing*) dan kekuatan emosi (*intensity*).

**Rajah 5.1: Hasil Dapatan Kajian Strategi Komunikasi Lisan Kanak-kanak Jepun Pra Sekolah**



Sumber: Dapatan Kajian ini

**Rajah 5.2: Hasil Dapatan Kajian Strategi Komunikasi Bukan Lisan  
Kanak-kanak Jepun Pra Sekolah**



Sumber: Dapatan Kajian ini

**(ii) Melihat kekerapan setiap penggunaan strategi komunikasi lisan yang ditemui dalam kajian**

Berdasarkan kekerapan penggunaan strategi komunikasi lisan dalam kalangan responden kanak-kanak, strategi pertanyaan didapati paling kerap digunakan oleh kanak-kanak Jepun selaku responden kajian, iaitu sebanyak 18 kali. Jumlah keseluruhan kekerapan bagi kesemua strategi komunikasi yang digunakan adalah sebanyak 56 kali. Dari segi gender, responden kanak-kanak perempuan dilihat sebagai paling kerap menggunakan strategi komunikasi lisan bagi pertanyaan iaitu 11 kali daripada jumlah

keseluruhan kekerapan (18 kali). Dalam strategi pertanyaan, hasil dapatan menunjukkan bahawa fungsi untuk mendapatkan kepastian mencatatkan bilangan kekerapan paling tinggi iaitu sebanyak 7 kekerapan dari keseluruhan 18 kekerapan. Hasil kajian juga menunjukkan responden kanak-kanak perempuan paling kerap bertanya untuk mendapatkan kepastian iaitu sebanyak 5 kekerapan berbanding dengan fungsi-fungsi lain dalam strategi pertanyaan. Seperti semua orang sedia maklum, secara umumnya kanak-kanak memang banyak bertanya, begitu juga yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak Jepun. Walau bagaimanapun, apabila diperincikan dengan lebih mendalam, dapatan kajian menunjukkan kanak-kanak Jepun prasekolah sebenarnya, selain bertanya untuk mendapatkan sesuatu jawapan, menggunakan pendekatan bertanya untuk memberi pendapat, mendapatkan kepastian, mendapatkan sokongan serta untuk menjaga perasaan. Dapatkan juga menunjukkan strategi pertanyaan yang dilakukan oleh kanak-kanak perempuan mengandungi nilai-nilai keharmonian seperti empati dan hormat.

Seterusnya, strategi komunikasi lisan bagi panggilan merupakan strategi komunikasi lisan yang kedua paling kerap digunakan oleh responden pertama dalam kajian ini. Data yang diperoleh menunjukkan bahawa responden kanak-kanak lelaki telah menyumbang sebanyak 7 kekerapan daripada jumlah 11 kekerapan bagi fungsi panggilan. Fungsi penggunaan nama sendiri (*First Name*) ketika membahasakan diri di awal atau hujung ujaran adalah lebih kerap digunakan oleh responden kanak-kanak lelaki berbanding responden kanak-kanak perempuan (Jadual 4.3.5a).

Seterusnya, strategi komunikasi lisan yang ketiga kerap digunakan adalah bantahan iaitu sebanyak 9 kali. Daripada jumlah bilangan kekerapan bagi bantahan, responden kanak-kanak perempuan menyumbang sebanyak 7 kali kekerapan. Hasil dapatan kajian

menunjukkan bahawa kekerapan responden kanak-kanak perempuan adalah melebihi kekerapan responden kanak-kanak lelaki dalam ketiga-tiga fungsi bantahan iaitu memberi amaran, membuat tuduhan dan membuat penegasan. Walau bagaimanapun, daptan ini tidak bermakna kanak-kanak perempuan suka membuat bantahan. Perkara ini hanya terjadi dalam situasi dimana kanak-kanak perempuan di dalam kajian ini diejek atau diperlakukan dengan kata-kata yang tidak disenangi oleh mereka.

Selain itu, strategi komunikasi lisan bagi pengulangan pula menunjukkan jumlah bilangan kekerapan sebanyak 6 kekerapan di mana responden kanak-kanak lelaki menyumbang sebanyak 4 kekerapan berbanding dengan 2 kekerapan bagi responden kanak-kanak perempuan. Manakala bagi strategi permintaan, secara keseluruhan bilangan kekerapan responden kanak-kanak perempuan adalah sebanyak 3 kali iaitu melebihi dari kekerapan responden kanak-kanak lelaki.

Strategi komunikasi lisan bagi gelaran negatif pula menunjukkan jumlah bilangan kekerapan bagi kanak-kanak perempuan yang sangat ketara iaitu 3 kekerapan berbanding kanak-kanak lelaki. Hampir kesemua jenis gelaran negatif yang disenaraikan digunakan oleh kanak-kanak perempuan. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa responden kanak-kanak perempuan berasa marah kerana diejek kanak-kanak lelaki lalu mengujarkan gelaran negatif. Kanak-kanak perempuan tidak bersetuju dan membantah dengan memberi gelaran-gelaran negatif seperti '*anna ero*' dan '*baka*' terhadap kanak-kanak lelaki yang mengejek mereka. Dapatkan juga menunjukkan kanak-kanak perempuan tidak menggunakan bahasa yang feminin jika mereka rasa tertindas atau keselamatannya tergugat. Perkara ini kerana ucapan feminin kerap ditafsirkan sebagai simbol ketidakupayaan sosial wanita Jepun dan status sosial mereka yang rendah (Ide, 1982;

Okamoto, 1995). Tambahan lagi, ucapan yang feminin juga sering digambarkan sebagai lembut, ucapan secara tidak langsung, sopan, tidak berdaya, tidak tegas dan tidak menonjolkan diri (Okamoto, 1995; Shibamoto, 1995)

Selain dari itu, dalam penggunaan *Malaysian English*, dapatan kajian telah mendapati walaupun kedua kanak-kanak ini bukan daripada kalangan kanak-kanak Malaysia namun penggunaan *Malaysian English* oleh kedua-dua kanak-kanak Jepun kacukan Jepun dengan Malaysia dan Jepun dengan Korea adalah sesuatu yang jarang sekali didengari. Sehubungan dengan itu, ia juga memaparkan pengaruh faktor persekitaran yang membolehkan situasi seperti ini berlaku. Memandangkan suasana persekitaran prasekolah tidak langsung menggunakan bahasa Malaysia atau pun bahasa Inggeris, kemungkinan suasana di rumah menjadi penyebab kepada penggunaan *Malaysian English* adalah lebih besar. Ini juga telah menunjukkan bahawa pengaruh penggunaan *Malaysian English* adalah sangat kuat di dalam suasana persekitaran di Malaysia.

Seterusnya, bagi mengukuhkan hasil dapatan, satu soal selidik telah dijalankan untuk mendapatkan maklum balas atau komen daripada 9 orang ibu kepada responden kanak-kanak. Beberapa hasil dapatan strategi komunikasi lisan seperti penggunaan panggilan nama diri anak atau *First Name*, teguran ibu terhadap panggilan nama diri anak mereka, pendapat ibu terhadap gelaran negatif yang diberikan anak kepada rakan-rakannya dan juga tentang penggunaan *Malaysian English* oleh anak-anak mereka telah disoal selidik.

Oleh sebab itu, soal selidik ini telah menumpukan kepada empat perkara ini. Hasil dari dapatan soal selidik ini menunjukkan 5 daripada 9 orang ibu memberi maklum balas

bahawa anak-anak mereka menggunakan nama sendiri atau First Name ketika membahasakan diri mereka. Menurut ibu-ibu ini, anak-anak mereka menggunakan nama sendiri kerana pengaruh daripada panggilan ibu bapa di rumah. Dapatan soal selidik juga menunjukkan 3 daripada 9 komen ibu yang menyatakan bahawa anak-anak mereka menggunakan kata ganti nama diri dan nama sendiri mengikut kesesuaian situasi dan ada ketika mengikut ‘*mood*’ mereka. Hanya seorang ibu sahaja yang menyatakan bahawa anaknya menggunakan kata ganti nama diri iaitu ‘*boku*’ ketika membahasakan dirinya.

Hasil dapatan soal selidik juga menunjukkan bahawa 8 dari 9 orang ibu berpendapat bahawa tidak ada keperluan untuk menegur anak-anak mereka dalam penggunaan nama yang tidak sesuai atau tidak sepatutnya pada peringkat prasekolah ketika berbual dengan rakan-rakan mereka. Walau bagaimanapun, mereka juga berpendapat bahawa mereka akan menegur kesilapan anak-anak dalam membahasakan diri mereka ketika anak mereka berinteraksi dengan guru atau orang yang lebih dewasa.

Seterusnya, bagi gelaran negatif yang diberikan oleh kanak-kanak kepada rakan-rakannya, 5 dari 9 orang ibu memberi maklum balas bahawa mereka akan memberi peringatan untuk tidak menggunakan perkataan yang tidak boleh atau tidak digunakan di rumah termasuklah perkataan-perkataan yang tidak sedap didengar dan boleh menyinggung atau mengecilkan perasaan orang yang mendengarnya. Malah menurut komen seorang dari responden kedua ini, adalah lebih penting untuk menunjukkan sikap dan adab yang baik dan ianya harus dipupuk sejak usia awal lagi. Contoh yang diberikan adalah seperti mengucapkan selamat pagi dan ucapan terima kasih.

Bagi penggunaan *Malaysian English* yang ditemui di dalam kajian ini, hanya dua orang responden kanak-kanak terlibat menggunakan *Malaysian English*. Kedua-dua orang kanak-kanak yang terlibat mempunyai latar belakang perkahwinan campur. Walau bagaimanapun, maklum balas yang positif diterima oleh ibu-ibu dari hasil dapatan soal selidik. Menurut ibu kepada kanak-kanak Jepun prasekolah ini, adalah satu perkara yang membanggakan sekiranya anak-anak dapat bertutur sekurang-kurangnya dalam Bahasa Inggeris yang mudah pada peringkat ini walaupun dengan mencampurkan bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu seperti ‘lah’ atau *one* pada tahap usia ini.

Bagi strategi komunikasi bukan lisan pula, penulis telah menggunakan model Berko, Wolvin & Wolvin (1992) untuk melihat penggunaan bahasa tubuh (*Kinesics*) dan *Paralanguage* di kalangan responden kanak-kanak Jepun prasekolah dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian telah mendapati bahawa terdapat 4 jenis bahasa tubuh yang digunakan. Ia adalah pengaruh paparan (*affect display*); iaitu menunjukkan ekspresi wajah yang menunjukkan emosi yang marah, lambang (*Emblem*); iaitu menundukkan sedikit kepala ke bawah bagi menunjukkan tanda hormat, *regulators*; i) pandangan mata tepat kepada pendengarnya dan ii) menyengetkan kepala ke kiri dengan lerekan mata ke kanan dan *adaptors*; i) mengepit hidung dengan hujung ibu jari dan jari telunjuk dan ii) tangan kanan mengibas-ngibas di hadapan hidung sambil mengerutkan hidung. Dari segi paralinguistik atau *paralanguage*, penulis mendapati responden kanak-kanak Jepun prasekolah dalam kajian ini menggunakan intonasi meninggi ketika bingung dan tidak begitu faham, intonasi meninggi yang menunjukkan penegasan bunyi (*stress*) dan kekuatan emosi (*intensity*) dan intonasi meninggi atau menaik dengan penghentian sementara atau jeda.

**(iii) Melihat sama ada terdapat konsep keharmonian (*wa*) dalam strategi komunikasi kanak-kanak Jepun prasekolah yang dikaji.**


Hasil dapatan kajian strategi komunikasi lisan juga menunjukkan terdapat beberapa unsur keharmonian yang wujud di kalangan kanak-kanak Jepun prasekolah dalam kajian ini. Unsur keharmonian seperti *omoiyari* atau empati, telah dapat dikenal pasti melalui strategi komunikasi pertanyaan ketika memberi pendapat atau cadangan, mendapatkan sokongan dan untuk menjaga perasaan. Selain itu, disiplin dan sifat bekerjasama juga dapat dilihat di dalam permintaan yang berfungsi untuk memberi keizinan melihat. Ini menunjukkan bahawa unsur keharmonian telah mula wujud sama ada secara langsung atau tidak langsung di kalangan kanak-kanak Jepun prasekolah di dalam kajian ini. Walau bagaimanapun strategi komunikasi seperti bantahan dan gelaran negatif tidak banyak memaparkan nilai-nilai keharmonian yang dinyatakan. Perkara ini berlaku kerana ketika bantahan dan panggilan negatif ini berlaku, kanak-kanak berada dalam keadaan emosi yang marah. Ini bermakna apabila seseorang berada dalam keadaan emosi yang marah maka perkataan yang dikeluarkannya adalah mengikut situasi perasaannya pada ketika itu. Namun begitu dapat dilihat unsur empati dalam salah satu strategi bantahan yang dibuat oleh responden iaitu di mana seorang kanak-kanak membantah untuk tujuan mempertahankan rakannya yang tiada di lokasi ketika itu.

Seterusnya Jadual 5.1 merumuskan nilai-nilai keharmonian yang terdapat dalam setiap strategi komunikasi yang diperoleh daripada dapatan. Secara keseluruhannya, dapatan kajian telah memaparkan strategi pertanyaan sebagai mengandungi nilai-nilai keharmonian yang paling banyak iaitu sebanyak 47%. (Rajah 5.3). Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat unsur-unsur empati, menjaga perasaan, menghormati

pasangan, bertanggung jawab dan lain-lain yang menggambarkan nilai-nilai keharmonian khususnya dalam strategi pertanyaan. Jadual 5.2 dan Rajah 5.4 memaparkan peratusan setiap nilai keharmonian yang terkandung dalam strategi pertanyaan iaitu strategi yang paling banyak digunakan oleh responden kanak-kanak Jepun prasekolah ini.

**Jadual 5.1 Nilai Keharmonian dalam Setiap Strategi Komunikasi**


	<i>Strategi Komunikasi</i>	<i>Nilai Keharmonian</i>
1	Pertanyaan	9
2	Permintaan	3
3	Bantahan	1
4	Panggilan Nama Diri	2
5	<i>Negative Labelling</i>	2
6	Pengulangan	2
7	<i>Malaysian English</i>	0
	Jumlah	19



**Rajah 5.3 Peratusan nilai keharmonian dalam keseluruhan strategi komunikasi**

### **Jadual 5.2 Nilai Keharmonian dalam Strategi Pertanyaan**

<i>Strategi</i>	<i>Nilai-Nilai</i>
Pertanyaan	Keharmonian
<i>Omoiyari/ Empati</i>	7
Hormat/ Sopan	1
Bertanggungjawab	0
Bekerjasama	1
Jumlah	9



**Rajah 5.4 Peratusan nilai-nilai keharmonian dalam strategi pertanyaan**

Selain itu, hasil dapatan soal selidik dari kumpulan responden kedua iaitu kumpulan ibu kanak-kanak Jepun juga menunjukkan, ibu-ibu berharap anak-anak mereka dapat lebih menghormati pendapat orang lain, tidak menyinggung perasaan orang lain ketika bercakap, lebih sensitif dan prihatin dan sentiasa memikirkan atau mengutamakan perasaan orang lain. Di samping itu, Jadual 4.4 juga telah menunjukkan dengan jelas komen ibu-ibu yang mengharapkan anak-anak mereka dapat mengutamakan perasaan orang lain dalam ujaran mereka. Hasil dari maklum balas ibu dalam soal selidik ini juga secara keseluruhannya, telah menyokong kajian terdahulu oleh Tobin, Wu, Davidson (1989) iaitu seperti yang

telah dinyatakan dalam bahagian 2.5.

## 5.2 Implikasi Kajian

Pendidikan awal kanak-kanak atau prasekolah bermatlamat memberi asas pembelajaran kepada kanak-kanak sebagai pelapis generasi pada masa akan datang. Institusi pendidikan prasekolah telah menyumbangkan kepada perkembangan awal kanak-kanak mengikut peringkat umur. Asas pendidikan prasekolah adalah penekanan kepada aktiviti bermain sambil belajar menerusi objek-objek konkrit yang boleh dilihat, disentuh dan sebagainya. Aktiviti yang diadakan bertujuan merangsang perkembangan kognitif, emosi dan sebagainya. Bahasa dijadikan alat komunikasi yang penting dalam membantu perkembangan awal kanak-kanak dalam memahami persekitaran mereka. Bahasa telah digunakan sebagai alat komunikasi untuk menyampaikan pemikiran, pengetahuan, budaya dan maklumat kepada para pendengarnya. Mengikut Piaget (1955), dalam bukunya *The Language and Thought of the Child* menyatakan bahawa perkembangan bahasa adalah selari dan merupakan sebahagian daripada perkembangan kognitif umum kanak-kanak. Piaget berpendapat seorang kanak-kanak mempelajari segala sesuatu mengenai dunia melalui tindakan-tindakan dan perilakunya dan seterusnya melalui bahasa.

Kajian yang dijalankan adalah menekankan strategi-strategi komunikasi yang digunakan oleh kanak-kanak Jepun prasekolah dalam persekitaran mereka yang berperanan menyumbang kepada perkembangan awal kanak-kanak tersebut. Kajian yang telah dijalankan ini diharapkan dapat:

1. Memberikan pengetahuan mengenai strategi-strategi komunikasi yang digunakan oleh kanak-kanak Jepun prasekolah di Malaysia. Pada waktu yang sama, dapat melihat bagaimana strategi-strategi ini dapat membantu penglibatan kanak-kanak di dalam rutin kehidupan mereka bersama dengan rakan-rakan mereka.
2. Melahirkan satu kerangka analisis mengikut konteks budaya masyarakat Jepun berpandukan kepada beberapa kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu.
3. Mengetahui terdapat penerapan nilai budaya masyarakat Jepun iaitu konsep *Wa* yang bermaksud keharmonian dalam strategi komunikasi yang digunakan oleh kanak-kanak dalam kajian ini.

Pendidikan merupakan asas penting dalam pembinaan generasi pada masa akan datang. Jepun berjaya menjadi negara maju seiring dengan negara Barat disebabkan negara matahari tersebut memiliki modal insan yang dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dari pelbagai aspek. Jepun sangat menitikberatkan pendidikan bagi membentuk bangsa yang mampu menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara pada masa akan datang. Penekanan diberikan kepada pendidikan awal kanak-kanak di mana Jepun ingin melahirkan generasi yang mampu menyumbang kepada negara di samping mengekalkan nilai-nilai yang menjadi identiti masyarakat Jepun.

### **5.3 Cadangan untuk Penyelidikan Akan Datang**

Kajian berkaitan komunikasi kanak-kanak ternyata mempunyai ruang yang sangat luas untuk digarap. Memandangkan masyarakat dalam berbagai generasi berada di alam *cyber* di mana segala informasi berada di hujung jari, maka perkembangan komunikasi juga menjadi begitu pantas dan pesat terutama bagi golongan kanak-kanak yang lahir di era siber. Gelaran ‘*Cyberkids*’ atau kanak-kanak siber paling sesuai diberikan kepada kanak-kanak yang sentiasa menghabiskan masa mereka menggunakan telefon bimbit, komputer riba mahupun yang terkini, telefon pintar untuk bermain *game*, menonton cerita atau animasi kegemaran. Ini termasuklah bersempang dengan rakan mereka melalui ruangan sembang yang banyak disediakan di dunia internet seperti *Yahoo Messenger* (YM), *Tweeter*, *Facebook*, *Skype*, *Google Talk*. Menurut Glaubke (2007); Lemish (2008); Weigel, James & Garner (2009), bahawa keadaan telah banyak berubah kini. Menurut Syarikat Penyelidikan Nielsen Amerika, mereka telah mengumpulkan data yang mengukur penggunaan media digital oleh kanak-kanak dari 2 hingga 5 tahun dan mendapati mereka menghabiskan masa bermain selama 32 jam seminggu di hadapan permainan video, TV, DVD, DVR atau skrin VCR (Mc Donough, 2009 dipetik dalam Blanchard & Moore, 2010).

Beberapa tahun lepas kerajaan United Kingdom telah memberi tumpuan kepada kajian mengenai media dan digital kanak-kanak namun hanya 1 kajian yang melihat aspek literasi atau kemahiran (Calvert & Wilson, Drotner & Livingston, 2008 yang dipetik dalam Blanchard & Moore, 2010). Walaupun menyedari bahawa digital media boleh menjelaskan semua peringkat umur, namun tidak banyak kajian yang melihat kesan media digital ke atas perkembangan kemahiran literasi dalam kalangan kanak-kanak yang lebih muda.

McPake, Stephen, dan Plowman (2007), menemui penyelidikan tentang pengalaman kanak-kanak berusia tiga hingga lima tahun menghadapi teknologi awal, dan bagaimana pengalaman-pengalaman berkaitan dengan literasi yang baru muncul memberi kesan atau implikasi untuk perkembangan seterusnya. Sebelum itu, Biecta (2001) di United Kingdom mendapati bilangan kanak-kanak dalam penggunaan internet di rumah meningkat dari 45% pada tahun 2001 kepada 56% di tahun 2002 walaubagaimanapun penggunaannya telah menurun kepada 48% di tahun 2003.

Maka sehubungan dengan itu, kajian seterusnya akan melihat aspek strategi komunikasi kanak-kanak di era siber contohnya bagaimana mereka berhubung dengan rakan atau orang dewasa dengan menggunakan sistem pesanan ringkas melalui telefon bimbit atau telefon pintar atau pun bagaimana mereka bersembang di ruangan sembang seperti Skype atau Facebook dengan telefon pintar atau komputer riba mereka. Kajian akan memfokuskan mengenai bagaimana kanak-kanak berkomunikasi dengan rakan mereka dengan menggunakan alat digital media tersebut. Kajian ini akan dijalankan dengan menumpukan kepada ruangan sembang seperti Facebook atau sistem pesanan ringkas (SMS) dengan melihat aspek penggunaan ayat dari segi leksikal. Ini juga termasuk bagaimana mereka menyatakan perasaan mereka iaitu sama ada melalui perkataan atau mungkin penggunaan simbol-simbol emoticon yang memaparkan perasaan gembira, sedih, malu dan lain-lain lagi. Kajian disasarkan kepada kanak-kanak di peringkat sekolah rendah iaitu antara umur 8 hingga 11 tahun. Kajian ini akan memfokuskan perbandingan terhadap kedua-dua kanak-kanak Jepun dan kanak-kanak Malaysia. Secara ringkasnya, kajian ini akan dilakukan untuk melihat kesan penggunaan internet ke atas komunikasi kanak-kanak terutamanya aspek leksikal, di era siber dalam menyampaikan makna.